

Received: 15 November 2019; Accepted: 19 December 2019

Interaksi Sosial dalam Tafsir al-Azhar: Tinjauan Awal Terhadap Surah Madaniyah

Nur Zakiah Najihah Bahar¹, Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi²

& Muhd. Najib Abdul Kadir³

Email: ¹ najihahbahar11@gmail.com, ² izzar@ukm.edu.my & ³ abunaseh@ukm.edu.my

¹Calon Sarjana di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

^{2&3}Pensyarah kanan di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Tafsir al-Azhar merupakan tafsir yang mendapat perhatian Nusantara baik dari kalangan masyarakat juga ahli akademik. Hal ini kerana olahan bahasanya yang mudah untuk difahami terutamanya di negara-negara yang berbahasa Melayu. Di samping itu juga, pentafsirannya yang mengetengahkan sudut kemasyarakatan menjadi nilai tambah apabila dilihat dari perspektif sosiologi. Namun, fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk interaksi sosial yang bersifat asosiatif dan disosiatif. Asosiatif meliputi elemen kerjasama, akomodasi dan asimilasi manakala disosiatif pula meliputi elemen persaingan, pertentangan dan kontravensi.. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang mana proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah analisis teks. Manakala proses penganalisisan data pula dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis induktif. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa aspek asosiatif dan disosiatif memang wujud dalam tafsir al-Azhar sejajar dengan tafsirnya yang bersifat *ijtima'i* (kemasyarakatan).

Kata Kunci: *Tafsir al-Azhar, sosiologi, interaksi sosial, asosiatif, disosiatif*

Social interactions in Tafsir al-Azhar: An Early Review of the Surah Madaniyah

Abstract

Tafsir al-Azhar is a tafsir that has attracted the attention both of the community and academic scholars of Nusantara. This is because the language rehash is simple to understand especially for the Malay speaking countries. Besides, the interpretation that focuses on the society aspect becomes an added value if it is viewed from the sociological perspectives. However, the focus of this study is to identify the form of social interaction that is associative and dissociative. Associative includes cooperation, accommodation and assimilation elements whereas dissociative includes competition, disagreement and contravention. This study uses qualitative design which data collection process is done through text analysis method. The data analysis process is done using inductive analysis method. The findings of this study indicate that associative and dissociative aspects exist in tafsir al-Azhar in line with the tafsir that is *ijtima'i* (societal).

Keywords: *Tafsir al-Azhar, sociology, social interaction, associative, dissociative*

1. Pengenalan

Islam merupakan sebuah agama yang menekankan hubungan interaksi sesama manusia tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Buktinya secara jelas disebut dalam al-Quran. Firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Hujurat (49:13) yang bermaksud:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, sampai kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui, lagi Amat Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)."

Mengambil pengajaran dari surah *al-Hujurat*, menunjukkan bahawa Islam telah meletakkan hubungan sesama manusia antara unsur penting dalam memastikan kelestarian hidup. Di samping itu juga, perspektif sosiologi turut menekankan hubungan interaksi sesama manusia sehingga muncul dua bentuk dari proses interaksi sosial iaitu asosiatif dan disosiatif. Proses interaksi sosial yang baik akan melahirkan kerjasama, kesefahaman dan keharmonian. Namun, kian hari hubungan interaksi terutamanya yang melibatkan hubungan antara kelompok seperti hubungan antara berlainan agama dan berlainan etnik bahkan juga sesama muslim

sendiri tidak berlaku dengan baik. Persepsi buruk serta salah faham merupakan antara punca dan kesan dari hubungan interaksi yang tidak berlaku dengan baik.

Menurut Nazmi (2016) tahap persepsi muslim dan non muslim mengenai hubungan interaksi antara agama berada pada kadar tinggi. Menurut kajiannya, komuniti Muslim lebih kurang toleransi dan terbuka untuk berinteraksi berbanding non Muslim meskipun Islam menegaskan dan menggalakkan komuniti Muslim supaya bertoleransi dan berinteraksi dengan komuniti agama lain. Hal ini berlaku akibat terdapat kecenderungan pemahaman mengenai agama berdasarkan tahap persepsi seseorang khususnya komuniti Muslim.

Selain itu juga menurut Hamidah et. al (2011) tahap hubungan sosial serta interaksi dalam kalangan berlainan etnik juga berada pada tahap yang membimbangkan. Menurut kajiannya, mereka yang melakukan aktiviti seperti keluar makan bersama, beriadah dan bersiar-siar dengan berlainan etnik adalah pada tahap sederhana. Hal ini kerana ada sesetengah daripada mereka yang mempunyai persepsi negatif terhadap berlainan etnik serta datang dari latar belakang keluarga yang tidak pernah bergaul dengan etnik lain.

Hubungan interaksi antara manusia ini sekiranya tidak dijaga dan dibendung akan mengakibatkan perpecahan dan permusuhan. Hal ini kerana hubungan interaksi antara berlainan kaum dan etnik ini melibatkan pola masyarakat yang lebih besar berbanding hubungan interaksi antara individu. Justeru, melihat kepada permasalahan dan persoalan yang timbul dalam masyarakat perlunya solusi dalam al-Quran.

Tafsir al-Azhar merupakan karya monumental Hamka juga mempunyai sisi istimewa apabila sebahagian dari penulisan ini telah dibuat sewaktu beliau di dalam tahanan ketika pemerintahan Presiden Sukarno. Tafsir al-Azhar merupakan salah satu tafsir yang diperakui menggunakan metode *ijtima'i*. Hal ini menurut kajian oleh Abdurrahman (2014) menyatakan bahawa corak yang mendominasi penafsiran Hamka adalah *al-adabi al-ijtimai'i* yang terlihat dari latar belakang Hamka sebagai seorang sasterawan dengan lahirnya novel-novel karya beliau sehingga beliau berupaya menafsirkan ayat al-Quran dengan bahasa yang dipahami semua golongan. Di samping itu juga, Dewi Murni (2015) ada menyebut bahawa corak yang mendominasi penafsiran Hamka dalam tafsir ini adalah *al-adabi al-ijtima'i* (sosial kemasyarakatan). Hal ini kerana Hamka sentiasa merespon pada keadaan sosial masyarakat dan mengatasi masalah yang timbul di dalam masyarakatnya.

Ramai pihak yang menerima bahawa tafsir al-Azhar menggunakan metode *ijtima'i* tetapi tidak ada kajian yang mengeluarkan point-point tersebut menurut perspektif sosiologi secara khusus daripada penafsiran Hamka. Walhal, bidang kajian agama akan lebih difahami dengan bantuan ilmu sosiologi (A. Mukhlisin dan A. Suhendri, 2017). Maka, adanya kepentingan untuk memahami aspek sosiologi berdasarkan kepada kefahaman tafsir *ijtima'i*. Justeru itu, kajian ini untuk mengenal pasti interaksi sosial yang terdapat dalam huraian Hamka di dalam tafsir al-Azhar.

Jenis kajian ini adalah kajian interpretasi terhadap huraian Hamka dalam tafsir al-Azhar. Maka, kajian ini berbentuk kualitatif. Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah analisis dokumen iaitu kitab tafsir al-Azhar tumpuan terhadap surah *Madaniyyah*. Hal ini kerana surah Madinah lebih tertumpu kepada soal hukum ibadah dan muamalat sesama manusia (al-Zarqani, 1943) Kajian ini menjadikan teks dalam tafsir al-Azhar sebagai sumber primer bagi meneliti bentuk interaksi sosial yang terdapat didalamnya. Di samping itu juga, kajian-kajian sosiologi turut dijadikan sebagai sumber tambahan kajian dan penjelasan terhadap kefahaman interaksi sosial.

2. Bentuk-bentuk interaksi sosial

Interaksi sosial merupakan hubungan sosial dinamik yang melibatkan individu dengan individu dan masyarakat dengan masyarakat (Gillin dan Gillin, 1956). Menurut Gillin dan Gillin lagi, dalam Haryanto dan Nugrohadi (2011) dan Soekanto (2011), proses interaksi sosial akan menghasilkan dua bentuk iaitu proses asosiatif dan disosiatif. Asosiatif merupakan sifat interaksi yang mengarah kepada keharmonian dan kerapatan hubungan (Imam Sujarwanto, 2012). Asrul Muslim (2013) turut menambah bahawa asosiatif merupakan sifat interaksi yang mengarah kepada bentuk penyatuhan hubungan. Menurut Imam Sujarwanto (2012) dan Rahmah Purwahida (2017) asosiatif meliputi elemen kerjasama, akomodasi (toleransi) dan asimilasi (percampuran budaya).

Manakala disosiatif pula merupakan sifat interaksi yang mengarah kepada bentuk pemisahan (Asrul Muslim, 2013). Selain itu, Khairul dan Anjar (2013) menambah bahawa disosiatif dilatar belakangi dengan pelbagai perbezaan pendapat. Di samping itu juga, Imam Sujarwanto (2012) memperluaskan lagi gambaran disosiatif dengan mengatakan bahawa disosiatif mengarah pada ketidak-harmonian bahkan membawa kepada perpecahan. Menurut Imam Sujarwanto (2012) dan Rahmah Purwahida (2017) disosiatif meliputi elemen persaingan, kontravensi dan pertentangan.

3. Elemen asosiatif dalam tafsir al-Azhar

Elemen asosiatif meliputi aspek kerjasama, akomodasi (toleransi) dan asimilasi (percampuran budaya). Kerjasama ialah usaha bersama dalam mencapai tujuan yang sama . Akomodasi pula merupakan proses penyesuaian dan kesepakatan untuk tidak saling bertentangan dengan tujuan untuk mengurangi pertentangan melalui toleransi dan kompromi (Soerjono, 2010) Manakala asimilasi ialah dua budaya yang saling bergaul dalam tempoh yang lama sehingga menjadi kebudayaan campuran. (Elly M. Setiadi dan Usman Kolip, 2011)

Beberapa elemen asosiatif telah dikenal pasti terhadap huraian Hamka dalam tafsir al-Azhar, antaranya ialah:

“Itulah enam keutamaan bagi orang-orang muhajirin itu: 1-mereka adalah orang-orang fakir miskin. 2-mereka adalah orang muhajirin (berpindah tempat kerana agama). 3-mereka diusir dari kampung halaman, dirampas hartabenda. 4-mereka mengharapkan kurnia Allah dan keridhaan. 5-mereka menolong Allah dan rasul. 6-mereka adalah orang-orang yang benar”(Hamka 1985:61)

Pada huraian Hamka telah menunjukkan elemen kerjasama dengan menyatakan beberapa keutamaan bagi orang-orang Muhajirin. Mereka adalah orang-orang yang berhijrah dari Mekah ke Madinah bersama-sama melalui kesusahan diusir dari negara sendiri sehingga harta benda mereka dirampas. Semuanya itu demi mencapai tujuan yang sama iaitu redha Allah.

“Maka kita dapati lima kelebihan dan pujian bagi kaum anshar: 1-mereka telah menunggu saudaranya Muhajirin di kota tempat mereka dengan tetap dalam iman. 2-mereka mencintai saudara-saudara mereka yang datang menumpangkan diri itu. 3-mereka tidak merasa dendki ataupun keberatan jika kaum muhajirin itu diberi pembahagian lebih banyak, bahkan harta rampasan Bani Nadhir sebahagian besar hanya untuk muhajirin. 4-mereka lebih mengutamakan saudara-saudara mereka yang baru hijrah itu, lebih mengutamakan diri mereka sendiri. 5-mereka telah sanggup mengatasi sifat kikir mereka, sehingga mereka mendapat kemenangan”(Hamka 1985:63).

Pada huraian Hamka telah menunjukkan elemen kerjasama dengan menyebut beberapa kelebihan serta pujian bagi kaum Anshar. Mereka adalah orang-orang yang menetap di Madinah dan membantu orang Muhajirin. Sikap mereka mengutamakan kaum Muhajirin dalam urusan tempat tinggal dan harta rampasan tidak lain hanyalah kerana nilai persaudaraan sesama agama dan mendapat keredhaan Allah.

“Lalu Ibnu ‘Arabi menjawab: Perbuatan tuan Guru (Syeikh Abu Bakar al-Fihri) itu benar menurut Sunnah, tetapi cara mempertahankan Sunnah itu tidak kena. Kerana kaum yang jadi ma’mum ini adalah orang-orang yang awam dan tidak mengerti. Sebab itu Ibnu ‘Arabi menganjurkan bahawa dalam soal-soal khilafiyah yang tidak pokok seorang ulama’ hendaklah memperhatikan situasi dan menjaga jangan sampai timbul mudharat yang lebih besar oleh kerana urusan kecil-kecil” (Hamka 1985:104).

Pada huraian Hamka ini menunjukkan elemen akomodasi apabila Hamka menyentuh berkenaan cara berdakwah melalui dialog Ibnu ‘Arabi dan Syeikh Abu Bakar al-Fihri. Dalam dialog berkenaan terdapat pesanan bahawa apabila seseorang yang alim hendak berdakwah di suatu kawasan hendaklah memperhatikan adat dan kebiasaan masyarakat setempat dan elakkan perbezaan terhadap perkara *khilafiyah* pendapat selama mana masih dalam lingkungan syarak. Menurut A.M Ismatollah (2015), metode ini dikenali sebagai metode dakwah dengan kebijaksanaan iaitu hikmah. Menurutnya lagi, Sayyid Qutub juga menyebut di dalam tafsirnya bahawa metode hikmah berlaku apabila seorang da’i memperhatikan situasi dan keadaan masyarakat sebelum menyampaikan dakwahnya.

“Ujung ayat ini adalah peringatan bagi orang-orang yang beriman agar dia berhati-hati menjaga lahir dan batinnya. Terutama tentang hubungan keluarga. Orang disuruh berbaik dengan keluarganya, walaupun mereka masih kafir. Tetapi hubungan yang baik sekali-kali jangan sampai merugikan perjuangan” (Hamka 1985:95-96).

Pada huraian Hamka ini menunjukkan elemen akomodasi dengan adanya toleransi dalam hubungan kekeluargaan antara ahli keluarga yang telah masuk islam dengan keluarganya yang masih belum islam. Hamka menyeru di hujung ayat ini agar terus menjaga hubungan yang baik walaupun berlainan agama demi menjaga

hubungan kekeluargaan. Menurut M. Nidzam (2009), hubungan di antara seorang anak yang sudah menganut agama Islam dengan keluarga yang belum Islam tidak terputus begitu sahaja. Bahkan, Islam menganjurkan agar menyantuni ibu bapa dengan cara yang baik selama tidak mensyirikkan Allah.

“Sebab itu ketika akan tampil ke muka (sebagai imam) saya (Hamka) tanyakan terlebih dahulu apakah kebiasaan di mesjid ini memakai qunut di waktu Subuh atau tidak. Kalau dijawab bahawa mereka memakai qunut, langsunglah saya memakai qunut sebagaimana terdapat dalam Mazhab Syafi’i dan kalau dijawab tidak memakai qunut, teruslah saya tidak memakai qunut. Sebab kalau tidak demikian akan timbulah perdebatan perdebatan yang tidak diingini, kerana soal khilafiyah telah jatuh ke tangan orang awam dan nasihat yang akan diberikan kelak tidak lagi akan dihargai oleh mereka, sebab Imam yang tadinya mereka harapkan, ternyata tidak sesuai dengan selera mereka” (HAMKA 1985:104)

Pada huraiyan Hamka ini menunjukkan elemen akomodasi apabila beliau menyentuh berkenaan cara berdakwah melalui dialog Ibnu ‘Arabi dan Syeikh Abu Bakar al-Fihri. Dalam dialog berkenaan terdapat pesanan bahawa apabila seseorang yang alim hendak berdakwah di suatu kawasan hendaklah memperhatikan adat dan kebiasaan masyarakat setempat dan elakkan perbezaan terhadap perkara *khilafiyah* pendapat selama mana masih dalam lingkungan syarak. Menurut A.M Ismatollah (2015), metode ini dikenali sebagai metode dakwah dengan kebijaksanaan iaitu hikmah. Menurutnya lagi, Sayyid Qutub juga menyebut di dalam tafsirnya bahawa metode hikmah berlaku apabila seorang da’i memperhatikan situasi dan keadaan masyarakat sebelum menyampaikan dakwahnya.

4. Elemen disosiatif dalam tafsir al-Azhar

Elemen disosiatif meliputi aspek persaingan, pertentangan dan kontravensi. Persaingan ialah perjuangan untuk capai kemenangan tanpa ada ancaman atau kekerasan. Pertentangan pula ialah menentang pihak lawan dengan ancaman atau kekerasan. Manakala kontravensi pula berada di antara persaingan dan pertentangan, iaitu sikap tidak senang, baik secara tersembunyi ataupun terang - terangan seperti mencela, memfitnah dan provokasi (J. Swi Narwoko & Bagong Suyanto, 2011)

Beberapa elemen disosiatif telah dikenal pasti terhadap huraiyan Hamka dalam tafsir al-Azhar, antaranya ialah:

“Orang dianjurkan berlomba menuju shaf yang pertama. Maka pada hari Jum’at, banyaklah orang-orang yang dianggap tidak pantas menurut “shaf dunia” berlomba duduk ke shaf yang pertama. Mereka cepat-cepat datang ke mesjid kerana melaksanakan anjuran Nabi s.a.w., lebih lekas ke mesjid lebih baik, dan pahalanya lebih besar. Tetapi kerapkali kejadian, orang-orang yang dipandang mendapat kedudukan duniawi yang lebih tinggi terlambat datang. Lalu beliau dipersilahkan datang di shaf yang pertama, bahkan kadang-kadang sajadah dan tempat duduk beliau telah tersedia. Maka kalau beliau datang tidak lagi boleh orang lain yang datang lebih dahulu disuruh meninggalkan shafnya dan pindah ke shaf belakang, hanya semata-mata kerana dia bukan “orang terpandang” (Hamka 1985:30).

Elemen persaingan berlaku di antara golongan yang mempunyai pangkat dengan golongan bawahan. Menurut Hamka, persaingan untuk solat di baris pertama ini diberikan keutamaan kepada golongan yang berpangkat walhal golongan biasa tiba lebih awal di baris pertama. Namun hal ini berlaku tanpa sebarang ancaman atau kekerasan.

“Adapun yang terbanyak adalah orientalis alat penjajahan, baik penjajahan, baik penjajahan politik sebelum negara-negara islam merdeka, atau penjajahan peradaban setelah negeri negeri islam mencapai kemerdekaannya. Dan mereka itu kerjasama, bantu membantu dengan penyebar agama kristen. Keduanya berusaha keras membelokkan cara berfikir orang islam dari agama tauhidnya dan tunduk kepada cara mereka berfikir, yaitu memisahkan agama dari kegiatan hidup, dan mengurung agama itu dalam gereja saja” (Hamka 1985: 235).

Sikap yang ditunjukkan para orientalis dan penyebar agama Kristian untuk menyelewengkan cara fikir orang Islam serta ingin menjauhkan orang Islam dari pegangan hidup yang betul merupakan elemen

persaingan yang diketengahkan Hamka dalam huraian ini. Malahan, para orientalis dan penyebar agama Kristian tidak menggunakan kekerasan atau ancaman untuk menyesatkan orang Islam tetapi mereka menggunakan serangan pemikiran untuk menjauhkan orang Islam dari agamnaya.

“Dan jika mereka ajak engkau berdebat, hendak bertengkar dengan engkau perkara akidah atau syariat, bukan lagi hendak mencari kebenaran, hanya semata-mata bersitegang urat leher kerana mempertahankan adat kebiasaan nenek-moyang.”(68)

Tegasnya kita tidak usah bertengkar lagi. Amal ibadat yang kamu pertahankan itu lebih diketahui oleh Allah. Dia yang akan mempertimbangkan. Bukan aku. Pada waktunya lah kelak kamu akan tahu mana yang hak dan mana yang batil. Tidaklah guna kita bertengkar sekarang. Hanya menghabiskan waktu”(69) (Hamka 1985:206).

Elemen persaingan ditunjukkan melalui sikap sesetengah orang yang mengajak untuk berdebat dalam perkara aqidah atau syariat namun bukanlah untuk mencari kebenaran namun hanya sekadar mempertahankan adat nenek moyang. Menurut Sayyid Tantawi dalam M. Jufriyadi Sholeh (2016), perdebatan yang terpuji ialah cara menyampaikan maklumat dengan baik serta menjaga adab dan mempunyai hati yang lapang dalam menghadapi perbezaan pendapat. Hamka juga menasihati supaya meninggalkan perdebatan seperti ini kerana perdebatan yang sia-sia.

“Sekitar tiga empat tahun sesudah dapat dihancurkan perlawanannya kaum Komunis (Gerakan 30 September 1965), penyebar agama Kristen membuat propaganda ke seluruh dunia bahawa telah 4 juta orang Islam masuk Krsiten. Dengan demikian datanglah bantuan bertubi-tubi dari dunia Kristen. Dan dunia Islam sendiri pun cemas, sehingga beberapa orang pemimpin dan ulama datang ke Indonesia menyelidiki berita itu” (Hamka 1985:147)

Elemen persaingan ditunjukkan melalui sikap penyebar agama Kristian yang membawa berita palsu untuk menakutkan orang Islam di Indonesia. Hal ini telah memberi impak besar sehingga menyebabkan beberapa pimpinan dan ulama datang ke Indonesia untuk mengetahui kebenaran berita yang tersebar.

“Tetapi lama kelamaan orang Yahudi itu kian menyatakan sikap yang memusuhi, menghina, dan mencemuh, sehingga timbulah permusuhan secara terbuka di antara mereka dengan kaum Muslim.”(Hamka 1985:34)

Hamka mengetengahkan elemen kontraversi melalui sikap orang munafik yang akhirnya menunjukkan sikap sebenar di hadapan Rasulullah. Mereka menunjukkan sikap tidak suka terhadap Baginda itu secara terang terangan sehingga akhirnya wujud permusuhan dalam kalangan orang Islam. Justeru itu, Islam mementingkan keikhlasan dan kebersihan jiwa kerana secara tidak langsung akan memberi kesan positif terhadap interaksi sesama manusia.

“Orang islam sendiri kerapkali mencampakkan pedoman isi ayat ini, bukan ketika menghadapi orang yang berlainan agama, melainkan ketika mereka berlawanan dengan sesama Islam, kadang-kadang hanya dalam soal-soal khilafiyah. Orang menetapkan suatu pendapat, tetapi menentang orang lain yang tidak sependapat, padahal pokok perselisihan hanya dalam satu lingkungan juga. Oleh kerana pertengkarannya sudah menghebat, timbulah ta’ashhub, berkeras kepala mempertahankan pendirian sendiri, tidak mau lagi memperhatikan pokok pendirian orang lain. Yang benar hanyalah yang aku punya, yang lain salah semua, hubungan kasih sayang tidak diperlukan lagi”(Hamka 1985:102).

Pada huraian ini, Hamka menunjukkan elemen kontraversi apabila beliau menegur umat Islam di saat mereka berhujah atau berdebat dalam hal berkaitan agama, mereka seolah tidak mengambil ibrah dari intipati ayat 7 surah al-Mumtahanah. Apabila berdebat, mereka merasakan bahawa mereka yang betul pendapatnya sehingga mengabaikan adab dalam berinteraksi seperti menjaga nilai kasih sayang dan hormat sesama manusia. Malahan menurut A.M Ismatulloh (2015) perdebatan yang baik ialah perdebatan yang terhindar dari sifat negatif dan berusaha mempertahankan harga diri. Seharusnya sebagai seorang muslim kita dapat menghormati serta meraikan perbezaan pendapat selama tidak melanggar syariat.

“Pernah kejadian satu golongan berpendirian bahwa di belakang Imam yang menjadi ma’mum tidak perlu lagi membaca al-Fatihah. Tiba-tiba singgahlah orang dari tempat lain di mesjid mereka pada waktu Subuh dan jadi ma’mum dari jama’ah di sana. Rupanya dia masih membaca, meskipun dengan sirr, (tidak dengan suara keras) Fatihah di belakang Imam. Tiba-tiba sehabis sembahyang orang itu dikeroyok bersama-sama dengan berbagai soal, dicela, digertak dan dituduh tukang bid’ah, sebab masih saja membaca al-Fatihah di belakang imam” (Hamka 1985:102).

Pada huraihan ini menunjukkan elemen kontravensi apabila sikap Muslim terhadap muslim yang tidak sama amalan dengan kebiasaan mereka dalam isu bacaan al-Fatihah sama ada dibaca secara jelas atau perlahan. Mereka mengambil sikap mencela, mempersoal malah melabel orang lain tanpa asas yang kukuh. Perkara ini tidak bertepatan dengan adab interaksi dalam Islam. Menurut Hefni (2017) dalam I. Walidah (2018), antara prinsip komunikasi dalam Islam ialah memilih informasi yang tepat dalam sesuatu isu untuk menghindarkan penyesalan dan tersalah menghukum.

5. Kesimpulan

Elemen asosiatif dan disosiatif memang ada dalam tafsir al-Azhar Hamka. Elemen disosiatif antara yang dominan dalam surah Madaniyyah kerana berlaku sedikit pergeseran dikalangan umat islam ketika itu dalam perkara khilafiyah seperti isu doa qunut, solat terawih 8 atau 20 rakaat serta bacaan al-fatihah dalam solat secara kuat atau perlahan. Namun Hamka tidak menyebutkannya secara jelas dan terang melainkan ia hanya sekadar kefahaman dari elemen asosiatif dan disosiatif. Ini menunjukkan bahawa Hamka mengaplikasi elemen interaksi sosial dalam penulisan tafsirnya ketika memberi respon terhadap isu kemasyarakatan yang berlaku di zamannya. Malahan Hamka turut menunjukkan kaedah bagaimana untuk berhadapan dengan situasi masyarakat apabila berlaku perbezaan pendapat dengan cara memahami kebiasaan dan latar belakang masyarakat setempat. Hal ini bagi mengelakkan perbalahan dan persengketaan terhadap perkara khilafiyah yang mana merupakan perkara cabang dalam agama. Persaudaraan sesama islam itulah yang perlu diutamakan di samping perbezaan pendapat.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim
- al-Zarqani, Muhammad Abdul Adzim, Syeikh. 1943 . *Manahil al-‘Urfan fi ‘ulum al-Quran*. Mesir. Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyah.
- Abdurrahman Tanjung. 2014. Analisis terhadap corak tafsir al-adaby al-ijtima’i. *Jurnal Analytica Islamica*. Vol 3. No. 1. Pg 162-177
- Ahmad Mukhlisin, Aan Suhendri. 2017. Aplikasi Teori Sosiologi Dalam Pengembangan Masyarakat Islam. INJECT: Interdisciplinary Journal of Communication.
- A.M Ismatullah. 2015. Metode Dakwah dalam al-Quran (Pentafsiran HAMKA terhadap surah an-Nahl:125). Jurnal Lentera.
- Asrul Muslim. 2013. *Interaksi Sosial Dalam Masyarakat Multietnik*. Jurnal Diskusi Islam. Vol. 1.
- Elly M. Setiadi dan Usman Kolip, Pengantar Sosiologi Pemahaman Fakta dan Gejala Permasalahan Sosial, Teori, Aplikasi, dan Pemecahannya (Cet.ke-2; Jakarta: Kencana, 2011), h. 81
- Dewi Murni. 2015. Tafsir Al Azhar Suatu Tinjauan Biografi Dan Methodologi. *Jurnal Syahadah*.
- Gilin, J. L & Gilin, J.P. (1956). *A cultural sociology: A revision of an introduction to sociology*. New York: Macmillan.
- Hamka. Tafsir al-Azhar. 1982. Jil 9. Jakarta:Pustaka Panjimas.
- Hamka. Tafsir al-Azhar. 1982. Jil 6. Jakarta:Pustaka Panjimas.
- Haryanto, D. & Nugrohadi, G. E. (2011). *Pengantar Sosiologi Dasar*. Jakarta: Prestasi Pustaka.
- Imam Sujarwanto. 2012. *Interaksi sosial antara umat beragama (Studi Kasus Pada Masyarakat Karangmalang Kedungbanteng Kabupaten Tegal)*. Educational Social Studies Journal.
- Iffah al Walidah. 2018. Tabayyun di Era Generasi Milennial. *Jurnal Living Hadis*. 317-344.
- Khoirul Huda & Anjar Mukti Wibowo. 2013. *Interaksi Sosial Suku Samin Dengan Masyarakat Sekitar (Studi Di Dusun Jepang Desa Margomulyo Kecamatan Margomulyo Kabupaten Bojonegoro Tahun 1990-2012)*.
- Koenjtaningrat. (1990). *Pengantar ilmu antropologi*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Muhammad Nazmi Abd Halim, Jaffary Awang. 2016. Tahap Persepsi Muslim dan Non-Muslim Mengenai Hubungan Interaksi Antara Agama: Kajian Tinjauan Di Negeri Kedah dan Selangor. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia*. 104-124.

- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2009. Fiqah Berinteraksi dengan Non-Muslim. Kuala Lumpur. Telaga Biru.
- M. Jufriyadi Sholeh. 2018. Etika Berdialog dan Metodologi Debat dalam al-Quran. *Jurnal El-Furqania*. 175-194.
- Rahmah Purwahida. 2017. *Interaksi Sosial Pada Kumpulan Cerpen Potongan Cerita Di Kartu Pos Karangan Agus Noor Dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Sastra Di Sma*. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*.
- Rusdiyanta, S.S. (2009). *Dasar-dasar sosiologi*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Soekanto, Soerjono. 2011. *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.